

25 DEC 1997

AS-M'sia (Laporan Khas)

HUBUNGAN M'SIA-AS: JURANG LUAS ANTARA RETORIK DAN KENYATAAN

Oleh: Salmi Hashim

Washington, 23 Dis (Bernama) -- Hubungan Amerika Syarikat (AS)-Malaysia, sekurang-kurangnya pada luarannya, nampaknya berada ditahap terendah sejak beberapa lama dengan ancaman resolusi Kongres terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta kemungkinan sekatan dikenakan ke atas Petronas kerana mengadakan urusan gas dengan Iran.

Bagaimanapun, walaupun retorik kemarahan saling dilempar menyeberangi Pasifik, perdagangan AS-Malaysia dan pelaburan terus meningkat.

"Jangan dibodohkan oleh 'wayang'. Ada jurang antara retorik dan kenyataan. Hubungan ini bukanlah mudah, tetapi ini bukan hubungan yang berada dalam keadaan bahaya," kata Profesor James Clad dari Universiti Georgetown.

Ada angka perdagangan AS-Malaysia sebagai bukti. Eksport AS ke Malaysia telah meningkat sebanyak 149 peratus dalam tempoh 1990-1996, mencecah AS\$8.5 bilion tahun lepas. Dan Import AS dari Malaysia meningkat sebanyak 238 peratus pada tempoh yang sama, mencatat jumlah AS\$17.8 bilion pada tahun 1996, menurut angka kerajaan AS.

Sementara pertumbuhan yang perlahan dijangkakan di Malaysia akibat krisis kewangan, diramalkan pada empat peratus tahun depan oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), ia belum lagi membabitkan angka perdagangan.

Jumlah eksport AS ke Malaysia dari Januari hingga September tahun ini ialah AS\$7.9 bilion, satu peningkatan mendadak sebanyak 29.3 peratus dari tempoh yang sama tahun lepas, kata Majlis Perniagaan AS-Asean.

Sementara itu, jumlah pelaburan AS, khususnya dalam sektor pengeluaran, terutamanya elektronik, ialah sebanyak AS\$5.2 bilion di akhir tahun lepas. Ini ialah peningkatan sebanyak 259 peratus sejak tahun 1990, kata majlis itu.

Menurut Lembaga Pembangunan Perindustrian Malaysia (MIDA), AS ialah pelabur ketiga terbesar di Malaysia tahun lepas dengan jumlah AS\$1.1 bilion dalam projek pelaburan yang diluluskan, di belakang Jepun (AS\$1.3 bilion) dan Singapura (AS\$1.9 bilion).

"Dengan semua ini berjalan dengan baik sekali, rakyat Amerika tidak faham mengapa Dr Mahathir nampak sentiasa marah dengan AS, dan saya sendiripun tidak faham. Perdana Menteri itu telah berjaya memimpin negaranya selama 17 tahun. Beliau sepatutnya bertenang," kata Clad yang merujuk kepada kritik Dr. Mahathir yang kadang kala keras terhadap AS dan Barat.

Media US masih belum memaafkan Dr. Mahathir kerana kenyataan "anti-Yahudi"nya dan sering memaparkan laporan mengenai Malaysia tanpa melupakan untuk memasukkan kenyataan Perdana Menteri itu, yang dinafikan oleh Dr Mahathir.

Insiden di Terengganu itu telah menimbulkan bantahan dari masyarakat Yahudi Amerika menyebabkan tiga anggota Kongres Yahudi (dua dari New York dan satu dari Florida - dua negeri AS yang dikuasai oleh Yahudi) menderafkan satu resolusi yang tidak terikat mencemuh Perdana Menteri dan memintanya meminta maaf atau meletak jawatan.

Ahli-ahli politik Malaysia dan penyokong-penyokong Dr Mahathir, sebagai tindak balas, mengutuk tindakan anggota-anggota kongres itu, manakala Majlis Tertinggi Umno mengeluarkan kenyataan keras mengkritik resolusi itu.

Draf resolusi anti-Mahathir itu mungkin akan dibentangkan pada sesi Kongres awal tahun depan, tetapi ramai di Washington percaya ia akan digugurkan sebelum sampai kepada peringkat jawatankuasa kecil. "UMNO telah bertindak dengan cepat terhadap satu resolusi yang belumpun dipertimbangkan oleh Kongres AS!" kata seorang pegawai AS dengan perasaan geli hati.

"Malaysia berhak untuk menyatakan apa yang ia mahu, tetapi jangan lupa akan akibatnya. Kami mempunyai sistem politik yang digerakkan oleh pengundi," kata Clad yang telah mengikuti karier Dr Mahathir selama 14 tahun.

Beliau, bekas seorang wartawan, menyifatkan Kongres AS sebagai sangat tidak berpengetahuan mengenai hal ehwal dunia, dengan 60 peratus dari mereka yang dipilih ke Kongres tidakpun mempunyai pasport, menunjukkan mereka langsung tidak pernah ke luar negara.

"Oleh itu, tidaklah menghairankan mereka tidak langsung tahu-menahu mengenai Malaysia. Sekiranya saya beritahu mereka bahawa agama rasmi Malaysia ialah Islam, mereka dengan segera berkata, ah..negara Islam, seperti Iran. Selepas itu saya mungkin terpaksa menjelaskan kepada mereka mengenai sistem Malaysia, perbezaan-perbezaannya, kehalusan-kehalusannya. AS tidak mengambil kira ini semua. Baginya..sama ada hitam atau putih. Baik atau jahat."

Clad, bekas wartawan Far Eastern Economic Review di Malaysia, pernah didenda RM10,000 pada tahun 1985 kerana menyalahi Akta Rahsia Rasmi (OSA). Tetapi beliau masih menyukai Malaysia dan bersetuju dengan sesetengah pendapat Dr. Mahathir.

Sementara itu, Ernest Bower, presiden Majlis Perniagaan AS-Asean, berkata resolusi itui mewakili pendapat sekumpulan kecil. Katanya perkara itu tidak menjejaskan keputusan-keputusan perniagaan Amerika kerana "kenyataan Dr Mahathir tidak konsisten dengan tindakan-tindakannya."

"Para pemimpin perniagaan (CEO) Amerika melihat Dr. Mahathir sebagai seorang ketua eksekutif negaranya yang berkebolehan. Kita melihat angkanya. Kita melihat trek rekodnya. Dan trek rekodnya sangat baik," kata Bower.

Dari segi ekonomi, Bower berkata krisis kewangan tidak menggugat keyakinan pelabur Amerika di Malaysia. Syarikat-syarikat Amerika terus mencari peluang perdagangan dan pelaburan di Malaysia.

"Secara ikhlas, kami fikir krisis itu sepatutnya berakhir sekarang. Kami tidak menjangka yang ekonomi Korea Selatan akan runtuh dan kelemahan-kelemahan dalam ekonomi Jepun. Soalnya, di mana paras paling bawahnya? Ia masih belum ditentukan lagi," kata Bower.

Walaupun dengan kemelut itu, Bower berkata syarikat-syarikat Amerika tidak keluar dari Malaysia atau "menganggap Malaysia tidak berguna lagi (written off Malaysia)". Dengan kedudukan dolar yang lebih kukuh, ada yang memperluaskan posisi mereka.

Intel Corporation baru-baru ini mengumumkan rancangan perluasan operasinya di Malaysia berjumlah RM1.4 bilion; Fibercore Inc., sebuah syarikat kecil dalam bidang teknologi tinggi yang berpangkalan di Massachusetts, mengumumkan projek usahasama di Koridor Raya Multi Media (MSC) Malaysia berharga AS\$43 juta, sementara Nhancement yang berpangkalan di California mengumumkan pelaburan dalam syarikat Malaysia, Advantis Network & System Sdn Bhd, bagi membekalkan perkhidmatan telekomunikasi dalam MCS.

Dengan para pengurus dana sekali lagi "menghidu" peluang-peluang, Bower meramalkan pertambahan pengambilan dalam dana pelaburan tahun depan, terutamanya dari dana-dana yang lebih besar.

Mengenai Akta Sekatan Iran-Libya (ILSA) yang menyebabkan siasatan AS ke atas urusan Petronas dan lain-lain syarikat minyak antarabangsa dengan Iran yang yang dipanggil "negara pengganas", Bower berharap permintaan Iran supaya dialog di adakan akan memperbaiki situasi.

"Kami bimbang dengan undang-undang melepasi wilayah - kami bimbang dengan undang-undang seperti ini yang menggugat hubungan dan urusan perniagaan." -- BERNAMA

SH WAT